

11/02/2003

Paim sasar 2,000 karyawan seni sokong kempen

KUALA LUMPUR: Persatuan Akademi Industri Muzik Malaysia (Paim) mensasarkan

2,000 tandatangan karyawan seni sebagai tanda sokongan kepada Kempen Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia).

Pengerusinya, Aziz Bakar, berkata sehingga kini lebih 200 tandatangan diperoleh daripada penyanyi, pemuzik dan mereka yang terbabit secara langsung atau tidak langsung dalam industri muzik tanah air.

"Kami akan cuba mendapatkan sokongan bukan saja bakat baru tetapi juga artis veteran serta mereka yang terbabit dalam bidang ini," katanya pada sidang akhbar selepas penyerahan memorandum kepada Naib Ketua Pemuda Umno,

Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, di sini semalam.

Beliau berkata, sebagai tanda sokongan pelbagai program sudah diatur membabitkan artis berbilang bangsa termasuk menganjurkan Konsert Aman, yang dijadualkan di Stadium Bukit Jalil pada 23 Februari ini.

"Konsert percuma itu membariskan 20 artis berbilang bangsa sekali gus menggambarkan perpaduan kaum di negara ini. Mereka akan mendendangkan lagu

bertemakan keamanan bagi memupuk semangat kedamaian sejagat," katanya.

Pada persembahan itu, artis seperti Ning Baizura, Sarah Raissuddin, KRU,

Elite, Imuda, Ezlynn dan Rabbani dijangka memeriahkan acara berkenaan yang

berlangsung selama tujuh jam bermula lima petang hingga 12 malam.

Tetamu kehormat pada malam itu adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menerima memorandum sejuta tanda tangan yang diserahkan wakil Aman Malaysia.

Antara program lain yang disenaraikan sempena kempen berkenaan adalah penganjuran pertandingan persahabatan bola sepak membabitkan 15 pasukan bola sepak artis di Kedah bagi mendapatkan lebih banyak tanda tangan sebagai tanda sokongan terhadap kempen ini.

"Persatuan bola sepak ini akan mengunjungi Hospital Sungai Petani bagi tujuan yang sama. Program lain termasuklah mengadakan pameran mengenai anti keganasan serta seminar bagi merumuskan memorandum berkenaan," katanya.